

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran dan al-Ḥadīth merupakan dua sumber ilmu yang terdapat di dalam Islam. Segala ilmu yang bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-Ḥadīth dikenali sebagai ilmu naqli. Kebenaran yang terkandung di dalamnya merupakan kebenaran yang bersifat mutlak. Islam, menggalakkan kita supaya merujuk kepada dua sumber yang berautoriti ini agar perjalanan hidup sentiasa berada dalam manhaj Ilahi.

Namun, secara hakikatnya tidak semua ḥadīth boleh diguna pakai sebagai landasan hukum, kerana ada beberapa ḥadīth yang kualitinya lemah. Untuk mengetahui kualiti sesebuah ḥadīth, penyelidikan perlu dilakukan agar kesahihan sesebuah ḥadīth itu menjadi jelas. Bagi menyahut cabaran tersebut, penulis berusaha mengkaji sebuah kitab tafsir, di mana penulisnya menyenaraikan banyak ḥadīth dalam perbincangannya. Kitab tersebut berjudul “*Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurān*”, ianya merupakan sebuah karya dan hasil usaha yang dilakukan seorang ulama yang dikenali sebagai Muhammad `Alī al-Ṣābūnī.

Merujuk kepada tajuk kajian, secara jelas menerangkan bahawa kajian ini adalah satu analisis ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibnu `Abbās mengikut kualitinya serta pengaruhnya secara hukum. Analisis juga dilakukan tentang peranan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam kitab tersebut. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurān* merupakan sebuah tafsir yang membincangkan tentang ayat-ayat yang berkaitan dengan masalah feqah. Dalam perbincangan itu, satu masalah akan dijelaskan mengikut pandangan ulama atau mazhab. Dalam konteks inilah, ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās itu disebutkan.

Dalam bab pendahuluan ini, pengkaji memulakan perbincangan yang berkaitan dengan perkara-perkara asas dan utama dalam menjalankan kajian yang menyentuh tentang permasalahan kajian, objektif, metodologi yang digunakan dalam mengumpul dan menganalisis data dan maklumat, skop dan rangka kajian dan beberapa maklumat yang berkaitan dengan tajuk dan bidang kajian. Seterusnya, pengkaji akan memfokuskan secara terperinci dan menyeluruh serta lebih komprehensif berhubung biodata Ibnu `Abbās sebagai perawi ḥadīth dan Muhammad `Alī al-Ṣābūnī sebagai pengarang kitab, khususnya ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam kitab ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Muhammad `Alī al-Ṣābūnī menulis kitab ini dalam dua juzuk dan diselesaikannya pada tahun 1391 H. Kitab ini secara khusus membincangkan tentang ayat-ayat hukum dalam al-Quran yang dijelaskan dalam sepuluh metodologi pentafsiran. Perkara yang menarik dari pembahasan beliau ialah konsistensinya dalam menggunakan ḥadīth-ḥadīth Nabi sebagai rujukan, khususnya dalam masalah penjelasan hukum Islam. Dari sini nampak terlihat, bahawa beliau sangat mengambil berat posisi ḥadīth dalam setiap penjelasan tafsirnya.

Huraian tersebut di atas, inilah kemudian menjadikan latar belakang pengkaji dalam menulis disertasi ini. Daripada huraian ini pula menarik untuk melihat bagaimana pemikiran-pemikiran bernas Muhammad `Alī al-Ṣābūnī yang tetap konsisten pada kajian ayat-ayat hukum al-Qur'an dalam mengkaji beberapa permasalahan sosial yang dihadapi masyarakat (*social problem*) dengan analisis yang sangat baik, sama ada dari pandangan peribadinya atau menukil pandangan para ulama lain, kemudian di akhir penjelasannya, beliau menjadikan ḥadīth sebagai rujukan utama.

Selain itu, penjelasan beliau yang sangat terperinci tentang ayat-ayat hukum menambah minat penulis untuk mengkaji kitab ini lebih dalam lagi. Sebab, satu ayat hukum akan dijelaskan dari segala aspek, sama ada dari segi bahasa, i`rab, balaghah, aspek qira'at, asbāb al-nuzūl dan lain sebagainya.¹ Manakala penjelasan beliau dari aspek hukumnya kerap kali merujuk kepada ulama-ulama terkenal dan pakar tanpa ta`asub kepada salah satu mazhab tertentu. Walau begitu, beliau menjadikan ḥadīth sebagai rujukan asas dalam mengambil sebuah keputusan hukum.

Oleh kerananya, pengkaji tertarik untuk mengkaji ḥadīth-ḥadīth yang digunakan oleh Muhammad `Alī al-Ṣābūnī dalam kitab tafsirnya iaitu *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*. Pengkaji memilih kitab tafsir ini memandangkan kitab ini merupakan salah satu sumber rujukan utama khususnya kepada masyarakat Melayu yang ingin memahami dan menghayati aspek-aspek hukum dan perundangan Islam dalam al-Quran

Untuk lebih fokus, maka Disertasi ini akan memilih mengkaji ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan Ibnu `Abbās sahaja dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muhammad `Alī al-Ṣābūnī.² Pemilihan terhadap Ibnu `Abbās sebagai tokoh di atas adalah berdasarkan beberapa faktor. Pertama, beliau telah diperakui sebagai pakar tafsir di kalangan sahabat, seperti yang didoakan Rasulullah (*Allāhumma faqqihhu fī al-dīn wa `allimhu al-*

¹ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *Rawā'i al-Bayān; Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, Mekah al-Mukarramah: Dār al-Qur'ān al-Karīm, h. *muqaddimah*.

² Tafsir ini termasuk yang beraliran feqah. *Tafsīr Fiqhī* ialah tafsir yang lebih menekankan perhatiannya kepada feqah (hukum Islam). Pembukuan tafsir ini terjadi pada abad ke 2 H, dan ia terus berkembang dengan lahirnya mazhab dalam feqah. Di antara tafsir dengan corak ini ialah *Aḥkām al-Qur'ān* karya Abū Bakr Aḥmad ibn `Alī al-Rāzī atau al-Jaṣṣās (w. 370 H/980 M), *Aḥkām al-Qur'ān* karya Ibn al-`Arābī (w. 543 H/1148 M), *al-Kassāf* karya al-Zamakhsharī, *Rūḥ al-Ma`ānī* karya al-Alūsī, *Tafsīr al-Nasāfī* (mazhab Ḥanafī) karya al-Nasafī, *Al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur'ān* (mazhab al-Mālikī) karya `Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad ibn Abī Bakar ibn Farḥ al-Qurṭubī (w. 671 H/1273 M), *Mafāṭīḥ al-Gayb* karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī (mazhab al-Shāfi'i). M. Quraish Shihab *et al.* (2000), *Sejarah dan Ulum al-Qur'ān*, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 179-180.

ta'wīl).³ Kedua, riwayat beliau banyak menjadi rujukan para mufasir, sama ada salaf atau moden, malahan ada sebuah tafsir yang dinisbahkan kepada beliau dengan tajuk '*Tafsīr al-Miqbās*'.⁴ Ketiga, ḥadīth-ḥadīth beliau adalah yang paling banyak diguna pakai sebagai hujah dalam perbincangan hukum dalam kitab tafsir ini.

Ketokohan Ibnu `Abbās juga dapat dibuktikan juga dengan lahirnya ramai para ulama dari zaman tābi`īn hingga zaman ini yang menyandarkan kepada tafsir beliau dalam ayat-ayat hukum. Bahkan, peranan beliau sudah terserlah sejak zaman sahabat lagi, di mana Khalifah `Umar bin al-Khaṭṭāb sering mendapatkan nasihat tentang masalah-masalah penting negara dan menggambarkan beliau sebagai "orang muda yang berfikiran matang".

Oleh yang demikian, sewaktu `Umar al-Khaṭṭāb menjadi khalifah, Ibnu `Abbās telah digelar sebagai *mushtashar* (perunding) dalam bidang hukum dan fatwa Islam. Ini kerana, apabila timbul perbagai masalah hukum yang sukar diselesaikan, `Umar akan meminta beliau untuk memberi fatwa dan nasihat. Dan pada masa pemerintahan Uthmān bin `Affān, beliau dilantik sebagai penasihat khalifah.

Beliau juga seorang yang pakar dalam bidang syair, bahasa dan sejarah Arab, feqah serta tafsir. Bukti kepakarannya dapat dilihat semasa beliau tinggal di Mekah, ramai sahabat yang belajar feqah dan tafsir daripada beliau. Hasil dari pengajarannya, beliau telah berjaya melahirkan ulama feqah dan tafsir yang terkemuka. Oleh kerana itu, beliau diberi gelar *al-*

³ Ibnu `Abbās sendiri adalah salah seorang tiga tokoh mufasir pada masa sahabat yang terkenal, selain `Alī bin Abī Ṭālib dan `Abd Āllāh bin Mas`ūd. Quraish Shihab (1998), *Membumikan al-Qur`ān*, c. XIX, Bandung: Mizan, h. 71.

⁴ Tafsir yang disusun oleh Abū Ṭāhir Muḥammad bin Ya`qūb al-Fayrūz Ābādī. Lihat Muḥammad bin Ya`qūb al-Fayrūz Ābādī (2000), *Tanwīr al-Miqbās min Tafsir Ibn `Abbās*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Baḥr,⁵ yang bermaksud samudera. Perkara tersebut disebabkan keluasan ilmu yang dimilikinya.

ʿUбайдillah bin ʿAbd Allāh pernah mengatakan tentang sifat seseorang ketika bersama beliau. ʿUбайдillah berkata: “*Tidaklah aku menyaksikan orang alim yang duduk bersama Ibnu ʿAbbās kecuali ia merendahkan diri terhadapnya. Dan tidaklah aku melihat orang yang bertanya kepada Ibnu ʿAbbās kecuali ia akan mendapatkan ilmu dari jawaban Ibnu ʿAbbās.*”⁶ Sifat hormat itu juga ditunjukkan disebabkan beliau tidak terlibat dalam aktiviti politik dan pemerintahan, kecuali hanya dalam masa yang sangat singkat iaitu ketika beliau ditugaskan oleh ʿAli bin Abī Ṭālib sebagai *Amīr* di Baṣrah.⁷

Secara keseluruhannya, pemikiran beliau dalam tafsir adalah model pentafsiran yang paling baik. Ini kerana, beliau telah menjelaskan adanya perkaitan antara satu ayat al-Quran dengan ayat lainnya. Sebagai contohnya, apabila sebuah ayat tidak dijumpai penjelasannya dari ayat lain, maka beliau merujuk kepada ḥadīth Nabi yang ṣāḥiḥ. Bagi beliau, ḥadīth diyakini sebagai alternatif untuk menjelaskan makna-makna al-Quran yang sulit untuk difahami. Kedua cara yang ditempuh oleh Ibnu ʿAbbās tersebut, akhirnya menjadi pedoman utama bagi kelompok pentafsir al-Quran iaitu *tafsīr bi al-maʿthūr* pada masa-masa selanjutnya.⁸ Oleh kerana itu, kita dapat menjumpai banyak ḥadīth-ḥadīth beliau yang majoritinya sebagai penjelas dan pentafsir dari ayat-ayat al-Quran.

⁵ Muḥammad al-Jazarī (t.t), *Usd al-Gābah fī Maʿrifat al-Ṣahābah*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 292.

⁶ *Ibid*, h. 292.

⁷ Muḥammad ʿAbd al-ʿAzīm al-Zarqānī (t.t), *Manāhil al-ʿIrfān Fī ʿUlūm al-Qurʿān*, Bayrūt: Dār al-Ihyā al-Turāth al-ʿAraby, h.344.

⁸ Munzin Hitami (2006), *Menangkap Pesan-Pesan Allah*, Pekanbaru: Suska Press, h. 34.

Keluasan ilmunya dalam ḥadīth pula ditunjukkan oleh ucapannya sendiri. Beliau berkata:

“Aku banyak mendapatkan ḥadīth Rasulullah dari sahabat Anṣār. Apabila aku ingin mendatangi salah seorang di antara mereka, maka aku akan mendatangnya. Bahkan, aku akan menunggunya hingga ia bangun tidur kemudian bertanya tentang ḥadīth tersebut kemudian pergi”.

Sehingga, diriwayatkan bahawa beliau telah meriwayatkan 1660 ḥadīth yang termaktub dalam pelbagai kitab ḥadīth.⁹ Manakala ‘*Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān*’ karya ‘Alī al-Ṣābūnī adalah di antara tafsir beraliran feqah yang popular dalam masyarakat dan menjadi rujukan akademik atau masyarakat yang ingin mengetahui makna-makna hukum ayat al-Quran. Dalam kitab ini, ḥadīth-ḥadīth beliau memainkan peranan yang besar kerana al-Ṣābūnī menukil ḥadīth-ḥadīth Ibnu ‘Abbās lebih banyak daripada sahabat-sahabat yang terkenal lainnya, seperti Abū Hurayrah, ‘Ā’isyah, ‘Abd Allāh bin ‘Umar dan sebagainya. Beliau menduduki tempat yang pertama iaitu 34 ḥadīth di dalam dua juzuk kitab ini. Ḥadīth-ḥadīth tersebut tersebar dalam 26 tajuk yang membincang tentang permasalahan feqah.

Oleh yang demikian, ḥadīth-ḥadīth beliau menjadi hujah bagi al-Imam al-Ṣābūnī sendiri dalam menetapkan sebuah hukum ataupun ulama yang telah menukil ḥadīthnya. Manakala *athār* dari Ibnu ‘Abbās yang dinukilkan oleh pengarang dalam kitab ini ialah sebanyak 83 dan lebih banyak juga dari sahabat yang lain. Sejumlah 42 daripada *athār* itu, merupakan perbincangan dalam persoalan feqah. Ianya juga dijadikan hujah sama ada oleh pengarang kitab ini mahupun ulama lain.

⁹ Ensiklopedi Islam (1998), Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedi Malaysia, h. 248.

Secara metodologi dan aliran pemikiran, *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* karya `Alī al-Ṣābūnī juga berbeza dari beberapa tafsir feqah yang lain, seperti *al-Aḥkām al-Qur'ān* karya al-Jaṣṣāṣ,¹⁰ *al-Aḥkām al-Qur'ān* karya Ibn al-`Arabi¹¹ dan *Al-Jāmi` li Aḥkām al-Qur'ān* karya al-Qurṭubī.¹² Oleh kerana pentingnya posisi ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam kitab ini, maka perlu bagi pengkaji untuk menyelidiki ḥadīth-ḥadīth beliau yang merupakan perawi terbanyak diguna pakai penulis dalam kitab ini dan menganalisis pengaruh ḥadīth-ḥadīth tersebut dalam menentukan sesebuah hukum.

Hal ini disebabkan oleh penggunaan riwayat Ibnu `Abbās yang kurang memfokuskan aspek kualitasnya, sama ada ṣaḥīḥ atau tidak. *Tafsīr al-Miqbās* yang dinisbahkan kepada beliau, walaupun ianya dalam termasuk kategori *Tafsīr bi al-Ma'thūr*, secara faktanya banyak mempunyai *turuq* yang ṣaḥīḥ dan lemah.¹³ Oleh sebab itu, penyelidikan adalah perlu dilakukan ke atas riwayat-riwayat dari Ibnu `Abbās untuk memberi kepastian kualiti riwayatnya, sehingga dapat diguna pakai dalam amalan seharian dan hujah sebuah hukum.

¹⁰ Metode yang diguna pakai oleh al-Jaṣṣāṣ dalam mentafsirkan ayat al-ahkām ialah mendatangkan satu atau beberapa ayat, kemudian diberi syarah secara *ma'thūr*. Selepasnya, ia mendatangkan masalah fiqhiyyah dalam ayat berkenaan dengan membawa pandangan beberapa mazhab feqah. Tafsir ini sangat *ta'assub* kepada mazhab Ḥanafī. Secara akidah, tafsir ini juga condong ke Mu'tazilah. Lihat Abī Bakr Aḥmad bin `Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ (1992), *Aḥkām al-Qur'ān*, Lubnān: Dār Ihyā' al-Turāth al-`Arabi. Lihat Mannā` al-Qaṭṭān, (t.t), *Mabāḥiṯ fi `Ulūm al-Qur'ān*, c. 2, Riyād: (t.t.p), h. 378.

¹¹ Tafsir ini condong kepada mazhab al-Mālikī, tapi tidak ta'assub. Metodologinya, ia menyebut ayat al-ahkām dengan membawakan pandangan beberapa ulama, kemudian menyebut masalah fiqhiyyah secara berasingan, seperti *masalah al-ulā, masalah al-thānī*. Beliau juga mengambil berat kepada aspek *lughah* dalam mengistinbat makna-makna ayat dan menghindari cerita *isra'iliyyat* dan *ḥadīth-ḥadīth da'if*. Di akhir perbincangan, ia kerap mendatangkan pandangan peribadinya disertai *hujah*. Lihat Abī Bakr Muḥammad bin `Abd Allāh (Ibnu al-`Arabi) (1988), *Aḥkām al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Kutūb al-`Ilmiyyah. Mannā` al-Qaṭṭān (t.t), *op.cit*, h. 379.

¹² Beliau juga bermazhab al-Maliki, tapi tidak ta'assub. Metodenya, ia menyebut *āyāt al-aḥkām*, kemudian memunculkan masalah fiqhiyyah dalam pandangan beberapa ulama dengan dalil masing-masing, juga mendatangkan *ḥadīth* dengan menyebut perawinya, menyebut *asbāb al-nuzūl* dan *tafsīr gharīb al-hikmah*. Lihat Abī `Abdillah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1994), *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. muqaddimah.

¹³ Mannā` al-Qaṭṭān (t.t), *op.cit*, h. 359.

Oleh sebab itu, penyelidikan tentang ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* karya `Alī al-Ṣābūnī ini merupakan sesuatu yang menarik. Ini disebabkan beliau ahli tafsir yang banyak meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth Rasulullah.

Perkara lain yang menjadi latar belakang penulisan Disertasi ini, iaitu berkembangnya pentafsiran akan ayat-ayat al-Qur'an yang sudah jauh daripada menggunakan ḥadīth-ḥadīth Nabi sebagai rujukan. Sebagai ulama moden, Muhammad `Alī al-Ṣābūnī memberikan tauladan yang baik bagi generasi sekarang dan akan datang supaya tetap berpegang teguh kepada ḥadīth Rasulullah, apatah lagi berkenaan tentang pentafsiran al-Qur'an.

Inilah dasar pemikiran yang melatarbelakangi pertanyaan mengapa penulis memilih tajuk Disertasi "Analisis Ḥadīth Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurān* Oleh Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī". Dan ini pula yang menjadi alasan kuat mengapa penulis memilih karya ilmiah dengan tajuk di atas.

1.3 Pengertian Tajuk

Sebelum memasuki perbincangan yang lebih panjang dan mendalam, penulis akan menjelaskan dahulu tentang tajuk kajian yang telah dipilih oleh penulis. Tajuk tersebut adalah "*Analisis Ḥadīth Riwayat Ibnu `Abbās Dalam Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurān Oleh Muḥammad `Alī Al-Ṣābūnī*". Merujuk kepada tajuk itu, beberapa istilah perlu dijelaskan maksud dan maknanya terdahulu dan diikuti dengan maksud keseluruhan tajuk tersebut.

1.3.1 Pengertian "Analisis"

Analisis adalah proses untuk menentukan sifat struktur, juzuk, binaan dan sebagainya sesuatu bahan atau tindakan.¹⁴ Ianya bermaksud sebagai penyelidikan atau penghuraian sesuatu, seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain untuk mengetahui pelbagai aspeknya (ciri-cirinya dan lain-lain) secara terperinci atau mendalam.¹⁵ Analisis juga dapat dikenal pasti sebagai (1) Penghuraian suatu masalah atas pelbagai bahagiannya dan penelaahan bahagian itu, serta hubungan antara bahagian untuk memperoleh pengertian yang betul dan pemahaman erti keseluruhan, (2) Penelitian terhadap suatu peristiwa untuk diketahui sebab musababnya iaitu perkara sebenar atau prosesnya.

Berdasarkan pengertian di atas, penulis menyimpulkan bahawa analisis merupakan aktiviti memerhatikan, mengamati dan menjelaskan sesuatu perkara bagi mengetahui keadaan yang sebenarnya.

1.3.2 Pengertian "Ḥadīth"

Ḥadīth menurut bahasa ialah, pertama: yang baharu, kedua: perkhabaran, ketiga: yang dekat atau yang belum lama.¹⁶ Dari pandangan bahasa tersebut, *al-ḥadīth* dapat ditakrifkan sebagai perkhabaran sama ada berkaitan keagamaan atau keduniaan atau yang telah berlaku atau yang sedang berlaku dan ianya sedikit atau banyak.¹⁷

¹⁴ Arbak Othman (2006), *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*, c. 2, Selangor; Penerbit Fajar Bakti Sdn, Bhd, h. 21.

¹⁵ Teuku Iskandar (1997), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

¹⁶ Abū Ṭahīr Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya`qūb bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin `Amr al-Shīrāzī al-Fayrūz Abādī al-Shāfi`ī, selepas ini al-Fayrūz Abādī (1313 H), *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, j.1, Kaherah: Ṭab`ah al-Maymaniyyah, h. 164.

¹⁷ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsīmī al-Dimashqī (1993), *Qawa`id al-Tahdīth min Funūn Mustalah al-Ḥadīth*, Taḥqīq: Muḥammad Bahjah al-Baytarī, c. 2, Bayrūt: Dār al-Nafā'is, h. 61.

Ibnu Hajar al-`Asqalānī (w. 852 H) pula menyatakan bahawa *ḥadīth* sama maksudnya dengan sunnah iaitu semua perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. daripada perbuatan, percakapan, pengakuan dan perkara-perkara yang diazamkan untuk melakukannya.¹⁸ Takrif ini adalah menyeluruh dan mencakupi semua perkara yang datang daripada Rasulullah s.a.w. Sementara ḥadīth pula yang banyak dipopularkan oleh majoriti ulama adalah segala pernyataan, perbuatan dan *taqrīr* atau sifat Nabi, sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul atau sesudahnya yang berkaitan dengan hukum.¹⁹ Bagaimanapun, menurut fuqahā', ciri-ciri fizikal Nabi tidaklah termasuk dalam pengertian ḥadīth.

Para ulama *muḥaddithīn* yang terkemudian telah memberi takrifan yang lebih lengkap untuk menjelaskan maksud *ḥadīth*. Dr. `Abd al-Muḥdī `Abd āl-Qādīr al-Ḥadī telah memberikan pengertian *ḥadīth* sebagai perkara yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. daripada perkataan, perbuatan, perakuan, akhlak dan perkara yang berkaitan dengan kenabiannya yang berlaku sebelum baginda dilantik menjadi Nabi.²⁰ Walau bagaimanapun, majoriti ulama *ḥadīth* tidak membezakan makna al-Ḥadīth dan al-Sunnah dari aspek istilah.

Apabila dilihat dari segi jumlah perawi, ḥadīth terbahagi menjadi dua: ḥadīth mutawātir dan ḥadīth āḥād. Ḥadīth mutawātir terbahagi menjadi dua: mutawātir lafzī dan mutawātir ma`nawī. Manakala ḥadīth āḥād pula terbahagi menjadi tiga: ḥadīth mashhūr,

¹⁸ Muḥammad al-Zuhaylī, Dr. (1992), *Marja' al-`Ulūm al-Islāmiyah*, c.3, Damshīq: Dār al-Ma`rifah, h. 269.

¹⁹ Yunahar Ilyas (1996), *Pengembangan Pemikiran Terhadap Hadis*, Yogyakarta: LPPI, h. 3. Lihat Juga Hajah Noresah bt Baharom *et al.* (2000), *Kamus Dewan*, c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), h. 302.

²⁰ `Abd al-Muḥdī `Abd al-Qādīr al-Ḥadī, Dr (1998), *Al-Madkhal ilā al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Kaherah: Dār al-Itiṣām, h. 24.

ḥadīth `azīz dan ḥadīth gharīb.²¹ Kemudian apabila dilihat dari aspek kualiti *sanad* dan *matan*-nya yang menentukan diterima (*maqbul*) atau tidak (*mardūd*)nya, ḥadīth terbahagi menjadi tiga bahagian: ḥadīth ṣaḥīḥ, ḥadīth ḥasan dan ḥadīth ḍa`īf.²²

Manakala tentang ḥadīth mawḍū`, ada dua pandangan, pertama; pendapat yang disokong oleh majoriti ulama yang mengatakan bahawa ḥadīth mawḍū` adalah bahagian daripada ḥadīth ḍa`īf. Pandangan kedua berpandangan ḥadīth mawḍū` bukan bahagian dari ḥadīth ḍa`īf, tapi merupakan bahagian yang berdiri sendiri.²³

Pembahagian tersebut adalah jika ada hubung kait dengan ḥadīth-ḥadīth āḥād,. Artinya, ḥadīth āḥād yang mempunyai kemungkinan menjadi ḥadīth ṣaḥīḥ, ḥasan, ḍa`īf atau mawḍū`. Manakala ḥadīth mutawātir tidak mempunyai kemungkinan itu, kerana dianggap telah benar-benar berasal dari Rasulullah s.a.w.²⁴

1.3.3 Pengertian "Ayāt al-Aḥkām"

Maksud dengan ayat di sini adalah ayat al-Quran. Menurut ahli tafsir: "Ayat adalah beberapa jumlah atau susunan perkataan yang mempunyai permulaan dan penghabisan yang dihitungkan sebagai suatu bahagian dari surah". Manakala *aḥkām* adalah jama` dari hukum. Kerana itu, maksud 'ayat-ayat aḥkam ialah ayat-ayat yang berkaitan dengan pelbagai macam hukum yang terdapat dalam al-Quran.

²¹ Maḥmūd al-Taḥḥān (1979), *Taysīr Mustalāh al-Ḥadīth*, c. 2, Bayrūt: Dār al-Qur`ān al-Karīm, h. 18-30, `Adil Muḥammad Muḥammad Darwisy (1998), *Nazarāt fī al-Sunnah wa `Ulūm al-Ḥadīth*, Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah, h. 189-195, Ṣubḥi al-Ṣālih (1977), *Ulūm al-Ḥadīth wa Mustalāḥuhu*, c. 7, Bayrūt: Dār al-`Ilmi li al-Malāyīn, h. 148, Hasbi al-Shiddiqy (1976), *Pokok-pokok Ilmu Dirayah Hadits*, c. 4, Jakarta: Bulan Bintang, h. 55-78, Fatchur Rahman (1981), *Ikhtishar Mushthalah al-Hadits*, c. 3, Bandung: PT. Al-Ma`arif, h. 59-77. Ada juga yang membahagi ḥadīth menjadi tiga: *Mutawātir*, *Mashhūr* dan *Āḥād*, lihat Muḥammad Ajaj al-Khātib (1989), *Usūl al-Ḥadīth `Ulumuhu wa Mustalātuḥu*, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 301-302.

²² Ṣubḥi al-Ṣālih (1977), *op.cit.*, h. 141, `Adil Muḥammad Muḥammad Darwish (1988), *op.cit.*, h. 144-154.

²³ Yaḥya Ismā`īl dan Mustāfa Muḥammad Ḥusayn (2003), *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Mawdu`*, Kairo: Maktabah al-Azhār, h. 45.

²⁴ Di antara yang mempunyai pandangan tersebut ialah Ḥammām `Abd al-Raḥīm Sa`īd (1408 H), *Al-Fikr al-Manhajī `ind al-Muḥaddithīn*, Qatar: Kitab al-Ummah, h. 82.

Menurut para ulama, ayat-ayat hukum dalam al-Quran dibahagikan kepada dua bahagian:

a. Hukum-hukum ibadah, iaitu: semua hukum yang disyariatkan untuk mengatur hubungan hamba dengan Tuhannya. Ibadah ini terbahagi kepada:

(1) *`Ibādah badaniyyah*, seperti solat dan puasa.

(2) *`Ibādah māliyah/ijtimā`iyyah*, iaitu zakat dan sedekah.

(3) *`Ibādah ruḥiyyah/badaniyyah*, iaitu haji, jihad, dan nazar.

b. Hukum-hukum mu`āmalah, iaitu: semua hukum yang disyariatkan untuk menyusun dan mengatur hubungan manusia dengan yang lainnya, sama ada sesama manusia, dengan masyarakat atau negara. Hukum mu`āmalah dibahagikan kepada:

(1) Hukum-hukum *aḥwāl shakhsiyyah*, iaitu: hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan dirinya sendiri, sejak ia lahir sehingga meninggal, seperti perkahwinan, cerai, idah, hubungan kekeluargaan, nafkah dan wasiat.

(2) Hukum-hukum mu`āmalah *madaniyyah*, yaitu hukum-hukum jual beli dan sewa menyewa.

(3) Hukum-hukum *jināyah*, iaitu: hukum-hukum yang bertujuan untuk memelihara hidup manusia, kehormatan dan harta.

(4) Hukum-hukum yang dijelaskan dengan terang dalam al-Quran, seperti membunuh dengan sengaja, membunuh tidak di sengaja, mencuri, merompak dan zina.

(5) Hukum-hukum antarabangsa, seperti jihad, aturan-aturan perang, hubungan umat Islam dengan umat lain, hukum-hukum tawanan dan rampasan perang.

(7) Hukum-hukum *dustūr*, iaitu hukum-hukum yang diatur untuk hubungan antara rakyat dengan negara.

(8) Hukum-hukum yang berkaitan dengan keluarga, seperti kahwin, cerai dan wasiat.

Kemudian, ulama pula membahagikan beberapa jumlah ayat aḥkam menurut kategorinya:

- a. Ibadah, 140 ayat.
- b. *Aḥwāl shakhsiyyah* 70 ayat.
- c. *Jināyah*, 30 ayat
- d. Hukum-hukum perang dan damai, tugas pemerintahan, 35 ayat.
- e. Hukum-hukum acara, 13 ayat.
- f. Kewangan negara dan ekonomi, 10 ayat.²⁵

Merujuk kepada tiga pengertian di atas, tajuk “*Analisis Ḥadīth Riwayat Ibnu `Abbās Dalam Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān Oleh Muḥammad `Alī Al-Ṣābūnī*”, merupakan sebuah kajian dan penyelidikan yang cuba menghuraikan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās, sama ada dengan menyelidiki kualiti ḥadīth berkenaan atau peranan ḥadīth tersebut dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī. Dalam pada itu, pengkajian itu tidak terlepas daripada mengemukakan sejarah dan latar belakang Ibnu `Abbās sebagai objek kajian atau al-Ṣābūnī selaku pengarang kitab serta maklumat dan data berkaitan dengan kitab tafsir itu sendiri.

1.4 Persoalan Kajian

Sepertimana yang telah disebutkan oleh pengkaji dalam latar belakang masalah di atas, ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās mempunyai kedudukan yang strategik dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān*. Tambahan pula, karya ini adalah sebuah karya tafsir yang masih

²⁵ *Ibid.*

digunakan sehingga kini sebagai bahan atau panduan pengajaran di surau, masjid, sekolah dan universiti. Oleh sebab itu, usaha perlu dilakukan bagi mengkaji dan meneliti lebih jauh ketokohan Ibnu `Abbās dan keistimewaannya dalam tafsir ini.

Oleh itu, kajian ini akan menjawab dan menyelesaikan beberapa persoalan yang wujud. Soalan kajian dirumuskan dalam bentuk pertanyaan berikut ini:

- a. Siapakah Ibnu `Abbas?
- b. Siapakah pengarang *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* dan bagaimana metodologi yang diguna pakai oleh beliau dalam tafsir ini?
- c. Bagaimana kualiti *ḥadīth-ḥadīth* Ibnu `Abbās secara keseluruhannya dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*?
- d. Apakah peranan *ḥadīth-ḥadīth* Ibnu `Abbās secara hukum dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*?

1.5. Matlamat Kajian

Matlamat daripada kajian ini adalah:

- a. Menjadikan sahabat Nabi sebagai tauladan dalam kehidupan sehari-hari.
- b. Agar kita menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama dalam semua aspek kehidupan ini, terutamanya kepada pakar-pakar tafsir sekali gus mengetahui salah satu metodologi tafsir daripada ulama untuk dijadikan rujukan dalam penulisan sebuah karya.
- c. Menjadikan *ḥadīth-ḥadīth ṣaḥīḥ* sahaja sebagai rujukan dalam sebuah persoalan hukum Islam.
- d. Mengamalkan aspek ibadah sesuai dengan amalan yang dilakukan Rasulullah.

1.6 Objektif Kajian

Bagi memastikan kajian ini dipandu dengan betul dan dapat berjalan dengan baik, pengkaji menggarap beberapa objektif kajian yang ingin dicapai. Disertasi yang bertajuk '*Analisis Ḥadīth Riwayat Ibnu `Abbās Dalam Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān Oleh Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī*' berusaha mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengetahui biografi Ibnu `Abbās sebagai sahabat yang banyak meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth Rasulullah.
2. Mengenal pasti latar belakang Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī sebagai salah seorang ulama dan cendekiawan kontemporari yang menghasilkan karya yang mengagumkan dan mengetahui metodologinya dalam *Tafsir Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*.
3. Mengkaji dan menyelidiki ḥadīth-ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās untuk diketahui statusnya.
4. Menganalisis ḥadīth-ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās dari aspek hukum dalam *Tafsir Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī.

1.7 Kepentingan Kajian

Sebagaimana dalam kajian-kajian ilmiah lainnya, kajian dalam tesis ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin dicapai, di antaranya sebagai berikut:

- i. Mendedahkan biografi Ibnu `Abbās supaya menjadi tauladan kepada umat Islam dalam aspek keilmuan dan kealimannya.
- ii. Mendedahkan latar belakang Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī kepada masyarakat agar dapat dijadikan tauladan yang baik serta menjelaskan metodologi dan pemikirannya,

terutamanya dalam feqah dan tafsir dalam kitab *Tafsir Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*.

- iii. Mengenal pasti kualiti *ḥadīth-ḥadīth* riwayat Ibnu `Abbās dalam sebuah tafsir al-Qur'an dan kekuatan hujahnya dalam aspek hukum serta untuk sumber rujukan kepada mereka yang ingin mengetahui *ḥadīth-ḥadīth* riwayat beliau.
- iv. Memberi sumbangan pemikiran kepada dunia akademik untuk menambah khazanah keilmuan yang baru, terutama kepada mereka yang mempunyai minat mengkaji Ibnu `Abbās.

1.8 Skop Kajian

Perkara yang dibincangkan dalam disertasi ini adalah berkenaan dengan analisis dan kualiti *ḥadīth-ḥadīth* riwayat Ibnu `Abbās dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Quran* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī. Dan jumlah *ḥadīth* yang akan diteliti ialah 34 *ḥadīth* sesuai dengan jumlah yang diriwayatkan oleh beliau. Manakala Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī telah banyak menghasilkan karya-karya ilmiah yang diwujudkan dalam bentuk kitab dan telah diterjemahkan dalam pelbagai bahasa. Walaubagaimanapun, penulis akan lebih memfokuskan pada karyanya, "*Rawā'i Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*".

Penulis akan cuba menumpukan kepada kajian tentang kuantiti dan kualiti *ḥadīth-ḥadīth* riwayat Ibnu `Abbās serta pengaruhnya secara hukum dalam tafsir tersebut.

1.9 Tinjauan Kajian Lepas

Dalam memastikan nilai keautoritian kajian ini dan menunjukkan kepentingan kajian ini dilakukan, pengkaji telah menjalankan tinjauan dan penelitian terhadap kajian-kajian dan penulisan awal berkaitan Ibnu `Abbās, Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī dan karya *Tafsīr Āyāt al-*

Aḥkām min al-Qur'ān. Melalui penelitian tersebut, pengkaji mendapati bahawa tajuk “Analisis Ḥadīth Riwayat Ibnu `Abbās Dalam Tafsir Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān karya Muhammad `Alī Al-Ṣābūnī”, masih belum terdapat kajian dilakukan oleh para sarjana. Namun demikian, terdapat beberapa penulisan yang menyentuh tentang Ibnu `Abbās dan karya *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*. Antaranya:

1. “Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr ibn `Abbās”. Kitab yang ditulis oleh Abū Ṭāhir Muḥammad bin Ya`qūb al-Fayrūs Abādī.²⁶

Kitab ini lebih menjelaskan tentang tafsir yang dinisbahkan kepada Ibn `Abbās terhadap ayat-ayat al-Quran. Penulisnya banyak menukikan *turuq* yang dinisbahkan kepada Ibn `Abbās, sehingga kitab ini diragukan kesahihannya. Beberapa nama periwayat yang diragukan tersebut antaranya ialah al-Kalbī, al-Suddī dan Muqātil. Dan seandainya kandungan kitab ini benar adalah riwayat Ibnu `Abbās, hal tersebut juga tidak membincang ḥadīth-ḥadīth beliau secara spesifik. Kitab ini lebih kepada *āthār* Ibnu `Abbās tentang tafsir. Oleh kerana itu, perbahasannya tidak berkaitan secara langsung dengan bidang yang diselidiki oleh pengkaji. Sebab, bidang penyelidikan pengkaji adalah ḥadīth beliau.

2. Sebuah Disertasi Sarjana di Jurusan Tafsir dan Ḥadīth, Fakulti Usuluddin, Institut Agama Islam Sunan Ampel, Surabaya, bertajuk “Jilbab dalam perspektif al-Qur'an (*Studi komparatif pemikiran al-Ṭabarī dalam Tafsīr Jāmi` al-Bayān dan pemikiran Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī dalam Tafsīr Rawā'i al-Bayān*)” hasil tulisan Muhammad Nizar pada tahun 2003.

Dalam disertasi ini, pengarangnya telah mendedahkan secara ringkas kehidupan Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī dengan merangkumi kelahiran, pendidikan, aktiviti dan karya-karyanya. Kemudian beliau menjelaskan tentang latar belakang penulisan Tafsir Rawā'i al-Bayān dengan merangkumi sejarah penulisan dan metodologi pentafsirannya. Di samping

²⁶ Abū Ṭāhir Muḥammad bin Ya`qūb al-Fayrūs `Abādī (1997), *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn `Abbās*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.

itu diterangkan juga penjelasan beliau tentang jilbab sebagai fokus kajian. Oleh itu, disertasi ini sama sekali tidak menyamai kajian penulis kecuali maklumat tentang latar belakang al-Şābūnī dan sedikit tentang metodologi tafsirnya memandangkan fokus kajiannya adalah berbeza dengan kajian penulis.

3. Sebuah Skripsi (Latihan Ilmiah) di Jurusan Tafsir dan Ḥadīth, Fakulti Usuluddin Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, bertajuk “Birrul Walidain Menurut Muhammad `Alī al-Şābūnī (Studi Terhadap Kitab Tafsir Rawā’i al-Bayān) hasil tulisan Sobiroh pada tahun 2010.²⁷

Dalam karya ini, penulisnya telah mendedahkan kehidupan Muḥammad `Alī al-Şābūnī merangkumi kelahiran, pendidikan, dan karya-karyanya. Kemudian beliau menjelaskan sedikit maklumat tentang penulisan Tafsir Rawā’i al-Bayān. Beliau juga telah menjelaskan konsep *birr al-walidayn* dalam surah Luqmān ayat 12-15 sebagai fokus kajian. Namun perbincangannya tidak memfokuskan kepada ḥadīth- ḥadīth Ibn `Abbās dalam kitab tersebut, sehingga kajiannya berbeza dengan yang dilakukan pengkaji.

4. Sebuah Skripsi (Latihan Ilmiah) di Jurusan Tafsir dan Ḥadīth, Fakulti Usuluddin Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, bertajuk “Pernikahan Antara Pria Muslim Dengan Wanita Ahli Kitab Dalam Pandangan Muhammad `Alī Al-Şābūnī dan Muhammad Quraish Shihab” hasil tulisan Ahmad Mustafa pada tahun 2009.²⁸

Dalam karya ini, penulisnya telah mendedahkan tentang kehidupan Muḥammad `Alī al-Şābūnī yang merangkumi kelahiran, pendidikan, dan karya-karyanya. Dalam karya ini juga, penulis menumpukan kajiannya kepada pentafsiran al-Şābūnī tentang hukum pernikahan lelaki Muslim dengan ahli kitab. Walaupun kajiannya menukil dari pandangan

²⁷ Sobiroh (2010), *Birrul Walidayn Menurut Muhammad `Alī Al-Şābūnī (Studi Terhadap Kitab Tafsir Rawā’i al-Bayān)*, Skripsi, Yogyakarta: Jurusan Tafsir dan Ḥadīth, Fakulti Usuluddin Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.

²⁸ Ahmad Mustafa (2009), *Pernikahan Antara Pria Muslim Dengan Wanita Ahli Kitab Dalam Pandangan Muhammad `Alī Al-Şābūnī dan Muhammad Quraish Shihab*, Skripsi, Yogyakarta: Fakulti Syariah Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.

al-Şābūnī dalam karyanya *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurʾān*, namun secara umum tidak membahaskan ḥadīth-ḥadīth Ibnu ʿAbbās dalam kitab tersebut, sehingga objek kajiannya berbeza dengan yang dilakukan pengkaji.

5. Sebuah Disertasi Sarjana di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang bertajuk “Al-Rawāi al-Bayān Fī Tafsīr Āyāt Al-Aḥkām Min Al-Quran Karangan Al-Şābūnī: Analisis Terhadap Perbezaan Qiraat Yang Menyumbang Kepada Perbezaan Hukum” hasil tulisan daripada Hayati Hussin pada tahun 2009.

Dalam disertasi ini, penulis telah mendedahkan beberapa maklumat penting, seperti biografi al-Şābūnī, yang meliputi latar belakang kehidupan, pendidikan dan karya-karyanya dan juga disebutkan tentang metodologi tafsir *Al-Rawāi al-Bayān fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurʾān*. Fokus kajiannya ialah menyelidik perbezaan antara qiraat ayat hukum oleh ulama-ulama qiraat, seperti Imam Hafs, Nafis dan lain-lain, sehingga perbezaan tersebut menyebabkan kesimpulan hukum yang berlainan.²⁹ Namun, kajian tersebut tidak menyentuh ḥadīth-ḥadīth Ibnu ʿAbbās secara spesifik, sehingga objek kajiannya berbeza dengan yang dilakukan pengkaji.

6. Sebuah Latihan Ilmiah di Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, yang bertajuk “Metod al-Şābūnī Di Dalam Mentafsirkan Ayat Aḥkam”, yang ditulis oleh Mohd. Nazhir Mohd. Nor pada tahun 2003.³⁰

Karya ini secara spesifiknya membincang metodologi pentafsiran Şābūnī dalam kitab *Al-Rawāi al-Bayān fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Quran*. Buku ini tidak memfokuskan kepada perbincangan tentang ḥadīth-ḥadīth di dalamnya, apatah lagi tentang Ibnu ʿAbbās.

²⁹ Hayati Hussin (2009), *Al-Rawāi al-Bayān Fī Tafsīr Āyāt Al-Aḥkām Min Al-Quran Karangan Al-Şābūnī: Analisis Terhadap Perbezaan Qiraat Yang Menyumbang Kepada Perbezaan Hukum*, Tesis, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁰ Mohd. Nazhir Mohd. Nor (2003), *Metod al-Şābūnī Di Dalam Mentafsirkan Ayāt Aḥkām*, Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Jadi, secara keseluruhannya kajiannya tidak sama dengan yang dilakukan pengkaji kecuali sedikit maklumat tentang biografi al-Ṣābūnī dan metodologi kitab *Al-Rawāi al-Bayān fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'an*.

7. Sebuah Tesis di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Umm al-Qurā, yang bertajuk “*Tafsīr Ibnu `Abbās Wa Marwiyātuḥu Min Kutub al-Sunnah*” yang ditulis oleh `Abd al-`Azīz bin `Abd Allāh al-Ḥamīdī.

Dalam Tesis ini, pengarang mendedahkan tafsir Ibnu `Abbās dalam lima belas kitab ḥadīth, seperti al-Bukhārī, Muslim, al-Muwattā', Sunan Abī Dāwud, Sunan al-Tirmidhī, Sunan Ibnu Mājah dan lain-lain. Fokus kajiannya adalah kepada riwayat *āthar* Ibnu `Abbās dalam semua kitab ḥadīth tersebut. Pengarang mengumpulkan dan menyelidiki riwayat-riwayat yang ṣahīh dan ḍa`īf. Oleh kerana itu, Tesis ini sama sekali tidak menyamai kajian penulis kecuali maklumat tentang latar belakang Ibnu `Abbās memandangkan fokus kajiannya adalah berbeza dengan kajian penulis.³¹

Melalui tinjauan dan penelitian yang telah dibuat terhadap kajian dalam disertasi, tesis, buku, latihan ilmiah, buku, makalah atau artikel, sama ada yang diterbitkan atau tidak, dapat dipastikan bahawa masih belum ada kajian khusus yang dibuat berkenaan dengan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam kitab *Rawāi al-Bayān fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'an*.

1.10 Metodologi Penyelidikan

Metodologi Penyelidikan disertasi ini, penulis mendapatkan sumber-sumber dari hasil penyelidikan perpustakaan (*library research*) sebagai medan kajian yang ditumpukan

³¹ `Abd al-`Azīz bin `Abd Allāh al-Ḥamīdī (t.t), *Tafsīr Ibnu `Abbās Wa Marwiyātuḥu Min Kutub al-Sunnah*, Tesis, Mekah: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Umm al-Qurā, h. 30-31.

pada ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī, khususnya *Tafsīr al-Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān*.

Kaedah ini digunakan untuk menghuraikan landasan teori dalam penulisannya. Data dan maklumat diperoleh daripada buku-buku dan fakta-fakta bertulis serta ulasan-ulasan yang berkisar tentang tajuk kajian ini. Ia adalah diperlukan untuk mengetahui maklumat-maklumat agar lebih jelas dan terperinci serta untuk mengelakkan daripada dipengaruhi oleh idea-idea yang tidak berasas.

Bagi memperoleh maklumat-maklumat dan data-data tersebut, penulis menggunakan beberapa perpustakaan antaranya ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za`aba Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Sastera Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Kuala Lumpur, Maktabah Jabatan al-Quran dan al-Ḥadīth, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Awam, Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Universiti Sunan Ampel Surabaya Indonesia, Perpustakaan Utama Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan perpustakaan peribadi penulis.

Dalam rangka menyempurnakan kajian ilmiah ini, beberapa kaedah yang berasaskan metodologi penyelidikan terkini telah digunakan. Metode-metode tersebut ialah :

1.10.1 Metodologi Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek kajian, penulis menumpukan pengkajian kepada aspek bidang ilmu *ḥadīth*, terutamanya *takhrīj al-ḥadīth* dan analisis ḥadīth-ḥadīth berkenaan. Penulis telah melakukan penumpuan kepada tokoh pilihan iaitu Ibnu `Abbās dalam bidang

tersebut serta memfokuskan pada karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī “*Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur’ān*”.

1.10.2 Metodologi Pengumpulan Data

Metode ini bermaksud kegiatan pengumpulan data yang berkenaan dengan tajuk yang dikaji. Dalam hal ini, penulis berupaya mengumpulkan data-data tentang *ḥadīth-ḥadīth* Ibnu `Abbas dalam *Tafsir al-Aḥkām* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī. Selain itu, penulis menumpukan kepada biografi beliau dan metode dalam penulisan kitab.

1.10.3 Metodologi Analisis Data

Setelah semua data yang diperlukan dapat dikumpulkan, maka data-data tersebut disemak, sama ada ia sudah mencukupi ataupun tidak. Ianya perlu bagi melengkapkan lagi maklumat kajian yang diperlukan. Metode ini digunakan dalam bab tiga dan empat yang bertujuan untuk menyaring, mengenal pasti dan mengkategorikan *ḥadīth-ḥadīth* Ibnu `Abbās dalam *Tafsir al-Aḥkām* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī. Satu metodologi telah digunakan bagi tujuan analisis data di dalam kajian ini iaitu metodologi kualitatif.

1.10.3.1 Metodologi Kualitatif

Metode kualitatif mempunyai ciri yang lazim iaitu studi pustaka dan studi lapangan. Studi pustaka dilakukan dengan cara mengkaji sumber-sumber tertulis seperti dokumen, laporan, peraturan dan lain-lain. Sumber tertulis ini boleh dari sumber primer atau sekunder.³²

Metodologi ini digunakan oleh penulis dalam menganalisis *ḥadīth-ḥadīth* Ibnu `Abbās kepada kategori *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* ataupun *ḍa`īf*. Kualitatif berasal dari perkataan

³² *Ibid.*

kualiti iaitu merujuk kepada darjah kecemerlangan iaitu yang tinggi mutunya. Pada kesimpulannya, penyelidikan kualitatif ialah menggunakan data selain angka atau bilangan dengan sendirinya data dianalisis secara kualitatif.³³ Dalam menganalisis secara hukum pula, penulis menggunakan status ḥadīth tersebut setelah diketahui *ṣaḥīḥ* ataupun *ḍaʿīf*.

Manakala dalam proses menganalisis *ḥadīth-ḥadīth* Ibnu ʿAbbās tersebut, penulis mengaplikasikan disiplin takhrij bagi mengenal pasti sumber ḥadīth dan statusnya, dengan merujuk kepada pakar-pakar dalam bidang ini.

1.11 Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi lima bab utama iaitu didahului oleh satu bab pendahuluan. Bab Pendahuluan ini menyentuh perbincangan awal berkaitan dengan beberapa perkara penting iaitu latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, masalah kajian, matlamat kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, tinjauan kajian lepas, skop kajian, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab Pertama ialah usaha pengkaji memperkenalkan dan mendedahkan maklumat awal berkaitan biografi Ibnu ʿAbbās sebagai perawi ḥadīth. Termasuk dalam perbincangan ini ialah pendidikan, keluasan ilmu dan keistimewaan beliau. Pengkaji juga menonjolkan sumbangan beliau dalam ḥadīth, di mana kajian ini meliputi guru-guru, murid-murid, jumlah ḥadīth yang diriwayatkan dan tulisan beliau.

Bab kedua tertumpu kepada perbincangan mengenai biografi Muhammad ʿAlī al-Ṣābūnī dan metodologi *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurān*. Beberapa perkara penting

³³ Teuku Iskandar (1997, *Op.cit*, h. 32).

didedahkan dalam biografi beliau iaitu riwayat hidup, pendidikan, sifat dan keperibadian, keutamaan beliau dan karya-karya tulisannya. Manakala dalam metodologi tafsirnya, perkara penting yang didedahkan pengkaji ialah menyentuh tentang sejarah dan latar belakang karya tersebut, diikuti metodologi penulisan dan penyusunannya serta pengkajian juga terhadap metodologi pentafsiran beliau dalam karya tersebut.

Bab ketiga merupakan penjelasan terhadap jumlah ḥadīth-ḥadīth dan takhrij yang diriwayatkan Ibnu `Abbās dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*. Kemudian pengkaji membuat ulasan dari kuantiti ḥadīth-ḥadīth tersebut.

Bab keempat pula adalah kemuncak perbincangan dalam kajian ini iaitu terhadap semua ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*. Kajian ini kemudian dilanjutkan kepada analisis sumbangan ḥadīth-ḥadīth beliau dalam kitab ini. Analisis ini penting sebagai satu penilaian dalam kajian ini.

Bab terakhir iaitu bab yang kelima adalah rumusan dan kesimpulan kepada keseluruhan kajian ini. Pengkaji menyertakan juga bersama cadangan dan saranan untuk semua pihak, khususnya terhadap pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan tindakan segera. Semoga kajian ini bermanfaat kepada semua orang.

